

## PENENTUAN BEBAN PEMBUKTIAN DALAM PENGHAKIMAN KES FASAKH: APLIKASI MENGIKUT UNDANG-UNDANG ISLAM

*Determination of the Burden of Proof in Fasakh  
Judgments: Application According to Islamic Law*

**Ilham Mustapa (Corresponding Author)**

Ph.D Candidate, Academy of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Teknologi MARA, Malaysia, Kampus Samarahan,  
94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.  
2023260938@student.uitm.edu.my

**Hadenan Towpek**

Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Teknologi MARA (Sarawak Campus),  
94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.  
hadenan298@uitm.edu.my.

**Rafeah Saidon**

Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
rafeahs@uitm.edu.my

**Mohd Syahiran Abdul Latif**

Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Teknologi MARA (Sarawak Campus),  
94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.  
syahiran@uitm.edu.my

### ABSTRACT

*This article examines the concept and application of the burden of proof in fasakh cases based on Islamic fiqh and Shariah law in Malaysia. This study employs a qualitative*

*approach by analyzing classical fiqh texts, legal provisions, and Shariah court judgments to assess how the burden of proof is applied in fasakh cases. Findings indicate that the burden of proof does not always rest with the plaintiff; in certain circumstances, the defendant bears this burden when asserting facts that contradict the original state (al-asl), apparent facts (al-żāhir), or customary practices (al-‘ādah). However, inconsistencies between fiqh principles and Shariah court practices have led to judicial discrepancies, procedural delays, and an unjust burden of proof placed on claimants, particularly in fasakh cases based on financial maintenance claims or allegations of domestic abuse. This study highlights the importance of clearer understanding among Shariah judges and lawyers, as well as the need for standardized guidelines to align judicial practices with Islamic legal principles and enhance fairness in fasakh proceedings. Additionally, this study recommends that Shariah judges and lawyers undergo regular training on the application of the burden of proof and procedural standardization to ensure more effective justice in fasakh cases.*

**Keywords:** *burden of proof, fasakh grounds, Shariah Court, Islamic evidence law*

## **PENDAHULUAN**

Konsep keadilan dalam Islam merujuk kepada meletakkan sesuatu pada tempat yang sepatutnya menurut haknya (Daud Muhammad, 2015), berdasarkan panduan-panduan yang ditetapkan oleh Syarak. Panduan ini disediakan sama ada secara spesifik maupun umum. Sebagai contoh, dalam kes tuntutan pemilikan tanah antara *al-Hadramī* dan *al-Kindī*, Rasulullah SAW memberikan penghakiman berdasarkan kemampuan setiap pihak untuk mengemukakan hujah masing-masing (*al-Shawkānī*, Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad, 1993). Pendekatan umum yang diambil adalah sesuai dengan prinsip “Kita berhukum berdasarkan apa yang zahir, sementara perkara-perkara tersebunyi diserahkan kepada Allah” (*al-‘Asqalānī*, Shihāb al-Dīn Alīmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar, 1963).

Panduan khusus yang diberikan adalah bagaimana Rasulullah SAW meletakkan tanggungjawab pembuktian kepada *al-Hadramī* kerana dakwaannya bertentangan dengan keadaan zahir di mana tanah yang didakwa sebagai milik ayahnya sedang diusahakan oleh *al-Kindī*. Oleh kerana tanah tersebut berada dalam penguasaan *al-Kindī*, secara zahirnya tanah itu dianggap miliknya. Oleh itu, *al-Hadramī* perlu membuktikan sebaliknya. Hal ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW: “*Bukti terletak pada pihak yang mendakwa, sementara sumpah terletak pada pihak yang menafikan*” (al-Şan‘āni, Muhammad Ibn Ismail, 1996).

Pemilihan penentuan beban pembuktian sebagai subjek kajian ini dilakukan kerana ia adalah instrumen penting dalam memastikan keadilan terlaksana (Suhaizad Saifuddin, Ahmad Azam Mohd Shariff, Muhamad Helmi Md Said, Ramalinggam Rajamanickam & Tg. Noor Azira Tg. Zainudin, 2020). Tanpa mempertimbangkan aspek penentuan beban pembuktian, hakim tidak dapat membuat penilaian dan keputusan yang adil. Secara umumnya, penentuan beban pembuktian dalam kes mal adalah elemen yang sukar untuk ditentukan kerana ia tidak semestinya terletak pada plaintiff, tetapi bergantung kepada fakta-fakta dan isu persoalan dalam sesuatu kes (Ruzaman Md. Noor & Mohd Istajib Mokhtar, 2011).

Menurut ‘Abd al-Karīm Zaydān (1985), kesukaran dalam menentukan beban pembuktian berpunca daripada perbezaan antara *al-muddai’ī* dan *al-mudda’ā* ‘alaih yang kadangkala sangat tipis, tersembunyi, dan tidak jelas apabila dilihat secara sepantas lalu. Oleh itu, hakim perlu memahami dengan mendalam fakta kes (Mohd Badrol Awang, 2022), termasuk fakta yang dipersetujui dan yang menjadi pertikaian, sebelum menentukan beban pembuktian berdasarkan peruntukan Seksyen 72 hingga 82 dalam Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Syariah negeri-negeri di Malaysia (Ruzman Md. Noor, 2007)<sup>1</sup>, termasuklah pengecualian yang dinyatakan dalam peruntukan yang sama (Suhaizad Saifuddin, 2021).

Manakala pemilihan kes fasakh pula adalah kerana alasan-alasan fasakh yang diperuntukan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia<sup>2</sup> berbeza-beza beban pembuktian<sup>3</sup>. Kesilapan dalam menentukan beban boleh menjadi faktor penyumbang kepada kelewatan penyelesaian kes, misalnya silap meletakkan beban pembuktian.

<sup>1</sup> Artikel ini akan merujuk kepada Ordinan Keterangan Syariah 2001 (OKS, 2001)

<sup>2</sup> Artikel ini akan merujuk Seksyen 51 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, 2001 (OUUKI, 2001)

<sup>3</sup> Lihat alasan penghakiman kes AAM lwn. MAB, Kes Mal MRSS, Kes 10005-014-229-2004 (tidak dilaporkan)

Selain itu, walaupun kes fasakh dikategorikan dalam kes mal namun ada diantara alasan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 51 OUUKI, 2001 dari segi pembuktianya hampir sama kepada kes jenayah kerana melibatkan dakwaan penganiayaan fizikal sebagaimana Seksyen 51(1)(h)(i) OKS, 2001. Disamping itu, fasakh adalah antara kes yang banyak didaftarkan dan dikelaskan sebagai kes kompleks. Hal ini kerana tuntutan fasakh biasanya melibatkan perbicaraan yang panjang (Raihanah Abdullah, 2009).

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep penentuan beban pembuktian dalam kes fasakh menurut hukum syarak dan peruntukan undang-undang Islam di Malaysia. Penelitian ini akan dilakukan melalui rujukan kepada sumber-sumber syarak, termasuk al-Quran, hadis, dan pandangan fuqaha dari pelbagai mazhab, serta analisis terhadap kaedah fiqah yang relevan. Selain itu, kajian ini juga akan meneliti peruntukan dalam Akta/Enakmen/Ordinan Keluarga Islam negeri-negeri bagi menjelaskan prinsip asas dalam menentukan beban pembuktian dalam konteks perundangan Islam di Malaysia.

Selain itu, kajian ini akan menilai sejauh mana keputusan mahkamah dalam menentukan beban pembuktian dalam kes fasakh selari dengan prinsip syarak dan peruntukan undang-undang Islam. Analisis akan dilakukan berdasarkan dokumen penghakiman bagi mengenal pasti tahap keselarasan keputusan mahkamah dengan prinsip hukum Islam dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Penilaian ini akan membantu mengenal pasti ketekalan dan potensi ketidaksejajaran dalam amalan kehakiman serta implikasinya terhadap sistem perundangan Islam di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami aplikasi penentuan beban pembuktian dalam penghakiman kes fasakh mengikut undang-undang Islam. Metodologi kajian merangkumi dua kaedah utama, iaitu kajian kepustakaan dan penelitian dokumen penghakiman kes fasakh di Mahkamah Syariah di Malaysia, yang menjadi asas utama dalam kajian ini.

## Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan ini bertujuan mendapatkan pemahaman yang jelas tentang konsep penentuan beban pembuktian menurut hukum syarak dan undang-undang Islam di Malaysia.

Kajian akan merujuk kepada sumber hukum Islam seperti al-Quran, hadis, dan pandangan fuqaha dari pelbagai mazhab. Penekanan diberikan kepada dalil syarak termasuk *istiṣḥāb* (keberlangsungan status asal), *sadd al-zarā'i* (menghindari kemudarat), serta *qawā'id* dan *dawābiṭ fiqhīyyah* (kaedah serta peraturan fiqah) untuk menilai sejauh mana prinsip penentuan beban pembuktian dalam kes fasakh diterapkan mengikut hukum syarak.

Selain itu, kajian turut merujuk kepada Akta/Enakmen/Ordinan Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia serta Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Syariah bagi menjelaskan peruntukan atau seksyen yang berkaitan dengan penentuan beban pembuktian.

## Penelitian Dokumen

Penelitian dokumen melibatkan keputusan kes mahkamah syariah terdahulu yang berkaitan dengan tuntutan fasakh. Kajian ini akan membandingkan bagaimana penentuan beban pembuktian dalam setiap kes dan sejauh mana ia menepati prinsip Islam serta peruntukan undang-undang semasa.

Kajian ini juga akan menilai sama ada terdapat ketidakkonsistenan dalam penghakiman, yang boleh memberi kesan kepada pihak yang terlibat. Selain itu, kesan penentuan beban pembuktian terhadap tempoh penyelesaian kes serta keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat akan dianalisis bagi menilai keberkesanannya sistem kehakiman syariah dalam menangani kes fasakh.

## Penganalisisan Data

Data daripada penghakiman kes fasakh terdahulu akan dianalisis secara deduktif menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan penentuan beban pembuktian dalam penghakiman tersebut (Kline, 2005). Seterusnya, data yang diperoleh akan ditemakan menggunakan pendekatan rangka kerja carta tematik untuk mengenal pasti pola utama dalam penentuan beban pembuktian dalam kes fasakh (Johh Arul Philip, 2018).

## **SOROTAN LITERATUR KAJIAN**

Beberapa kajian yang terdahulu telah membincangkan berkaitan beban pembuktian namun tidak membincangkan beban pembuktian dalam kes fasakh. Ini dapat dilihat dalam kajian oleh Ruzman Md Noor (2007) bertajuk “*Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Di Malaysia*” yang hanya melibatkan kes-kes harta sepencarian.

Begitu juga kajian oleh Ruzman Md. Noor dan Mohd Istajib Mokhtar (2011) “*Aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain Iwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain*” yang merupakan kes wasiat dan hibah. Kajian oleh Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom dan Mohd. Munzil Muhamad (2019) yang bertajuk “*Kaedah Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan*” pula merupakan kajian perbandingan antara akta 561 (syariah) dan akta 56 (sivil).

Walau bagaimanapun, terdapat penulisan yang menyatakan bahawa diantara punca kes lewat diselesaikan dalam kes fasakh adalah disebabkan oleh beban pembuktian (*burden of proof*) yang berat dari sepatutnya namun aspek beban pembuktian ini tidak dibincangkan secara mendalam kerana kajian tersebut tidak fokus kepada beban pembuktian. Ini dapat dilihat pada kajian Raihanah Abdullah (2009) yang bertajuk “*Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian*” dan Mohd Zaidi bin Md Zain @ Zakaria (2019) yang bertajuk “*Pemakaian Undang-undang Tatacara Mal Dalam Prosiding Tuntutan Fasakh Di Mahkamah Syariah Malaysia*”.

Berdasarkan keunikan kes fasakh berbanding kes mal yang lain serta jurang kajian yang wujud, kajian ini akan meneliti pemahaman terhadap konsep penentuan beban pembuktian menurut syarak dan perundangan semasa serta aplikasinya dalam kes fasakh.

## **KONSEP BEBAN PEMBUKTIAN MENURUT SYARAK**

Menurut Wahbah al-Zuhaylī (1985), prinsip beban pembuktian dalam sistem perundangan Islam menetapkan bahawa dalam sesuatu pertikaian di mahkamah, pihak yang mendakwa (*al-muddai’i*) bertanggungjawab mengemukakan bukti (*al-bayyinah*), manakala pihak yang dituduh (*al-mudda’ā ‘alaihi*) diberikan hak mempertahankan dirinya dengan sumpah sekiranya tiada bukti dikemukakan.

Pendekatan ini bertujuan memastikan keadilan dalam proses kehakiman dan mencegah sebarang penyalahgunaan tuntutan tanpa asas yang kukuh serta memenuhi objektif syarak (*Maqāṣid al-Sharī‘ah*) iaitu memelihara agama,

nyawa, akal, harta, dan keturunan (Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md. Hashim, 2021).

Prinsip ini selaras dengan sebuah hadis Nabi SAW seperitmana berikut:

*“Jika setiap orang diberikan keputusan hanya berdasarkan dakwaannya, pasti orang akan menuntut harta dan darah orang lain. Sebaliknya, setiap dakwaan harus disertai dengan bukti, dan yang menafikan perlu bersumpah.”<sup>4</sup>*

Perkara ini dijelaskan dengan lebih lanjut oleh al-Shawkānī (1993), yang menegaskan bahawa prinsip beban pembuktian dalam sistem kehakiman Islam mewajibkan pihak yang mendakwa untuk mengemukakan bukti, manakala pihak yang menyangkal dakwaan diberikan hak untuk bersumpah sebagai bentuk pembelaan diri.

Menurut al-Shawkānī lagi, hal ini dapat dilihat dalam kisah yang diriwayatkan oleh al-Qamah bin Wail, di mana seorang lelaki dari Hadramaut menuduh seorang lelaki dari Kindah telah mengambil tanah warisan miliknya. Namun, apabila dia gagal mengemukakan bukti, Rasulullah SAW menetapkan bahawa pihak yang menafikan dakwaan hanya perlu bersumpah bagi mempertahankan haknya. Baginda turut memperingatkan bahawa sesiapa yang bersumpah secara zalim untuk memiliki sesuatu secara tidak sah akan berhadapan dengan kemurkaan Allah pada hari kiamat.

Berdasarkan hadis ini, al-Shawkānī menekankan bahawa sumpah dalam sistem perundangan Islam bukan sekadar formaliti, tetapi mempunyai implikasi besar di dunia dan akhirat. Ini menunjukkan bahawa perundangan Islam bukan sahaja bertujuan menegakkan keadilan dalam kehidupan manusia, tetapi juga sebagai peringatan terhadap pertanggungjawaban di hadapan Allah.

Seterusnya, adalah penting bagi hakim untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab mengemukakan bukti dalam sesuatu pertikaian dengan tepat. Hal ini dapat dilakukan dengan mengenal pasti *al-muddai’ī* dan *al-mudda’ā ‘alaihī* secara jelas pada sesuatu isu atau fakta persoalan, agar beban pembuktian diletakkan pada pihak yang sepatutnya.

Menurut ulama Shāfi‘ī sebagaimana dinyatakan dalam *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifatī Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, yang merupakan pendapat yang lebih jelas dan selari dengan pandangan Imam al-Shāfi‘ī, *al-muddai’ī* merujuk

<sup>4</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (2005). *Jam‘ al-Jawāmi‘* (al-Jāmi‘ al-Kabīr), jld. 7, hlm. 146. al-Qāhirah: al-Azhar al-Sharif, 1426H, disunting oleh Mukhtār Ibrāhīm al-Hā’ij, ‘Abd al-Ḥamīd Muḥammad Nadā, dan Ḥasan ‘Isā ‘Abd al-Zāhir, hadis no. 17993.

kepada individu yang dakwaannya bertentangan dengan keadaan zahir, manakala *al-mudda'ā 'alaihī* ialah individu yang kata-katanya selaras dengan perkara yang zahir (Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib, 2006).

Pandangan ini dijelaskan lagi oleh ‘Abd al-Karīm Zaydān (1985), bahawa menentukan *al-muddai'ī* dan *al-mudda'ā 'alaihī* bukanlah perkara mudah kerana perbezaan antara keduanya kadangkala sangat halus, tersembunyi, dan tidak begitu jelas apabila dilihat secara sepantas lalu. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa tidak semua pihak yang memulakan tindakan mahkamah (plaintif) secara automatik berada sebagai pihak *al-muddai'ī*, dan pihak yang satu lagi (defendant) berada sebagai pihak *al-mudda'ā 'alaihī*.

Oleh itu, para fuqaha telah menetapkan beberapa kriteria khusus bagi membezakan antara kedua-duanya, agar keadilan dalam menentukan beban pembuktian dapat dicapai dengan lebih tepat. Menurut beliau lagi, terdapat beberapa definisi fuqaha untuk membezakan antara *al-muddai'ī* dan *al-mudda'ā 'alaihī*.

‘Abd al-Karīm Zaydān menjelaskan bahawa *al-muddai'ī* ialah individu yang berusaha membuktikan sesuatu, manakala *al-mudda'ā 'alaihī* pula ialah pihak yang menafikan perkara tersebut. Begitu juga, *al-muddai'ī* adalah orang yang mendakwa sesuatu yang tersembunyi, sementara *al-mudda'ā 'alaihī* adalah mereka yang mendakwa perkara yang nyata dan jelas. Selain itu, *al-muddai'ī* adalah orang yang kata-katanya bertentangan dengan kebiasaan atau asal keadaan, manakala *al-mudda'ā 'alaihī* pula adalah pihak yang kata-katanya selari dengan kebiasaan atau asal keadaan.

Tambahan lagi, *al-muddai'ī* ialah pihak yang tidak dipaksa untuk meneruskan dakwaannya jika dia meninggalkannya, sedangkan *al-mudda'ā 'alaihī* perlu menjawab dakwaan yang dibuat terhadapnya. Akhir sekali, *al-muddai'ī* adalah mereka yang membuat tuntutan untuk mendapatkan sesuatu yang dimiliki oleh pihak lain atau membuktikan hak yang ditanggung oleh pihak lain, manakala *al-mudda'ā 'alaihī* ialah mereka yang menolak dakwaan tersebut.

Berdasarkan definisi fuqaha tersebut, dapat disimpulkan bahawa beban pembuktian ditentukan dengan mengenal pasti pihak yang pernyataannya bertentangan dengan keadaan asal (*asl*), zahir (*al-zāhir*), atau adat kebiasaan (*al-'ādah*) dimana pihak ini dikenali sebagai *al-muddai'ī*, manakala pihak yang mempertahankan *status quo* keadaan tersebut dikenali sebagai *al-mudda'ā 'alaihī*. Salah satu cara bagi menentukan beban pembuktian ini adalah melalui penguasaan kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id fiqhīyyah*) dan peraturan-peraturan

fiqah (*dawābiṭ al-fiqhiyyah*), yang diaplikasikan berdasarkan isu atau fakta persoalan yang timbul dalam sesuatu pertikaian.

### Isu Pertama: Pertikaian Mengenai Status Asal Sesuatu Perkara

Dalam pertikaian undang-undang, terdapat keadaan di mana pihak yang mendakwa perlu membuktikan bahawa sesuatu perkara telah berubah daripada status asalnya. Dalam situasi ini, prinsip utama yang diguna pakai adalah “sesuatu kekal mengikut keadaan asalnya” (*al-aslu baqā' mā kāna 'alā mā kāna*). Kaedah ini berasaskan kaedah fiqah yang utama “keyakinan tidak dihilangkan dengan syak (keraguan)” (*al-yaqīn lā yazūlu bi al-syak*), yang menetapkan bahawa sesuatu keadaan yang telah sedia ada akan kekal sehingga ada bukti yang membuktikan sebaliknya. Dalam konteks kehakiman, prinsip ini berfungsi sebagai mekanisme perlindungan terhadap status asal sesuatu hak atau keadaan, yang hanya boleh berubah sekiranya terdapat bukti kukuh yang menunjukkan perubahan tersebut.

Kaedah ini merujuk kepada teori *al-istishāb*, yang menetapkan bahawa status asal sesuatu perkara akan dikekalkan sehingga terdapat bukti yang menunjukkan perubahan. Kaedah ini digunakan untuk menafikan sesuatu fakta, tetapi bukan untuk menetapkannya. Sebagai contoh, dalam kes nafkah suami isteri, prinsip ini digunakan untuk menafikan tuntutan bahawa suami telah menunaikan nafkah sekiranya tiada bukti kukuh. Namun, ia tidak boleh digunakan untuk menetapkan bahawa nafkah telah diberikan. (Imad Ali Jum'ah, 2006).

Berhubung dengan isu nafkah, terdapat peraturan fiqah yang menetapkan bahawa ”suami wajib memberikan nafkah kepada isteri yang sah, selagi isteri tidak melakukan perbuatan yang menjadikannya terputus dari hak nafkah.” (*al-nafqah tajibu bi al-taslīmi fa tasqutu bi al-man'iye*). Dalam peraturan ini, nafkah merangkumi makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Kewajipan ini berterusan selama ikatan pernikahan masih sah. Namun, sekiranya isteri melakukan perbuatan yang menyebabkan kehilangan haknya, seperti nusyuz, maka kewajipan nafkah tersebut boleh gugur. (Al-Sharbīnī, 2006).

Oleh itu, sekiranya berlaku pertikaian mengenai penunaian nafkah, suami bertanggungjawab membuktikan bahawa dia telah menunaikan nafkah tersebut atau bahawa isterinya telah hilang hak terhadap nafkah akibat perbuatan nusyuz. Hal ini kerana, secara asalnya, isteri berhak menerima nafkah sehingga terdapat bukti yang menunjukkan sebaliknya. (Mohd. Saleh Haji Ahmad, 2002).

## **Isu Kedua: Pertikaian Mengenai Perubahan Fakta yang Telah Dipastikan**

Dalam sistem perundangan Islam, terdapat prinsip bahawa fakta yang telah dipastikan kebenarannya tidak boleh diubah tanpa bukti yang kukuh. Prinsip ini berasaskan kaedah fiqh “asal sesuatu yang baru muncul itu tidak ada” (*al-‘umūr bi al-‘āridhah al-‘adam*), yang menegaskan bahawa sesuatu keadaan yang telah ditetapkan secara zahir tidak boleh dianggap berubah tanpa bukti yang meyakinkan. Menurut Mohd. Saleh b. Hj. Ahmad (2002), kaedah ini merujuk kepada mengembalikan fakta yang dipertikaikan kepada fakta yang telah dipastikan kebenarannya. Pihak yang mendakwa berlaku perubahan terhadap fakta yang telah dipastikan tersebut perlu mengemukakan bukti untuk menyokong dakwaannya.

Sebagai contoh, bagi pasangan suami isteri yang telah lama tinggal bersama, jika isteri mendakwa tidak menerima pakaian dan nafkah, manakala suami mendakwa telah menuaikan tanggungjawab tersebut, maka dakwaan isteri akan diterima kerana tanggungjawab tersebut pada asalnya kekal pada suami sehingga dibuktikan sebaliknya. Dakwaan suami pula dianggap sebagai fakta baru yang perlu dibuktikan kebenarannya.

Melalui kaedah ini, fakta-fakta baru yang bertentangan dengan fakta yang telah zahir dahulu perlulah dibuktikan oleh pihak yang menyatakaninya. Kegagalan pihak tersebut mengemukakan sebarang keterangan akan menyebabkan keputusan mahkamah tidak berpihak kepadanya.

Dalam isu ini, peraturan fiqah (*dawābit fiqhīyyah*) turut boleh dijadikan panduan dalam menentukan kedudukan hukum. Salah satu peraturan fiqah yang berkaitan dengan isu ini ialah: “Kecacatan membolehkan fasakh perkahwinan, tetapi jika isteri mengetahuinya sebelum akad nikah, maka dia tidak boleh menuntut fasakh, kecuali dalam kes mati pucuk menurut pendapat yang lebih sahih” (*(al-‘uyūb al-mūjibah lil-faskh fī al-nikāh idhā ‘alimat bihā al-mar’ah qabl al-nikāh fa-lā khiyār illā fī al-‘annah ‘alā al-aṣāḥ)* dimana isteri menuntut perkahwinannya dengan suami difasakhkan atas alasan kacacatan yang ada pada suami.

Berdasarkan peraturan ini, hak fasakh bergantung kepada fakta yang telah ditetapkan (*established*) semasa akad perkahwinan, iaitu perkahwinan dianggap berlangsung dalam keadaan suami tanpa kecacatan. Jika isteri telah mengetahui kecacatan suami sebelum akad nikah dan mengakuinya, maka dia dianggap telah menerima keadaan tersebut dan tidak boleh menuntut fasakh, kecuali dalam kes mati pucuk.

Sebaliknya, jika isteri menafikan bahawa dia mengetahui kecacatan suami sebelum akad nikah, maka beban pembuktian terletak pada suami. Suami

perlu membuktikan bahawa isteri sudah mengetahui kecacatannya sebelum akad nikah tersebut, kerana dakwaan tersebut merupakan fakta baharu yang memerlukan bukti. Kegagalan suami membuktikan fakta yang ditegaskannya menyebabkan tuntutan fasakh isteri dibenarkan.

### **Isu Ketiga: Pertikaian Mengenai Masa Berlakunya Sesuatu Fakta**

Dalam pertikaian undang-undang, masa berlakunya sesuatu fakta sering menjadi isu utama dalam menentukan kesahihan sesuatu tuntutan. Kaedah fiqah yang digunakan dalam kes ini ialah “asal sesuatu perkara ditentukan dengan waktu paling hampir” (*al-asl idhāfah al-hadīth ilā aqrab awqātihī*), yang menetapkan bahawa sekiranya terdapat percanggahan mengenai masa sesuatu kejadian, maka pihak yang mendakwa berlakunya peristiwa tersebut perlu membawa bukti, manakala penentuan beban pembuktian akan dibuat berdasarkan waktu yang paling hampir.

Sebagai contoh, dalam kes fasakh tuntutan fasakh oleh isteri akibat penganiayaan fizikal, jika isteri mendakwa bahawa penganiayaan berlaku selepas perkahwinan, manakala suami menyatakan bahawa ia berlaku sebelum perkahwinan, maka dakwaan yang lebih hampir dengan masa pertikaian akan diterima. Dalam keadaan ini, isteri lebih berhak dalam tuntutannya, dan suami perlu membuktikan fakta yang ditegaskannya jika ingin menyangkal tuntutan isteri.

### **Isu Keempat: Pertikaian Mengenai Kemudaratan dalam Perkahwinan**

Dalam isu perkahwinan, kemudaratan terhadap salah satu pihak boleh menjadi asas untuk tuntutan fasakh, sama ada dalam bentuk penganiayaan fizikal, emosi, atau hak yang dinafikan. Prinsip utama yang terpakai dalam isu ini adalah “kemudaratan hendaklah dihilangkan” (*al-darar yuzāl*), yang berasaskan prinsip dasar “*Lā Darar wa Lā Dirār*”, iaitu tidak ada kewajiban dalam agama yang membawa kepada kemudaratan, malah ia mesti dihindarkan. (Zulfaqar Mamat, 2020)

Dalam konteks ini, pihak yang mendakwa wujudnya kemudaratan dalam perkahwinan perlu membuktikan dakwaannya, kerana perkahwinan pada asasnya dibina atas kesejahteraan dan kasih sayang. Oleh itu, beban pembuktian terletak pada pihak yang membuat tuntutan fasakh, dan mahkamah hanya akan menerima tuntutan tersebut sekiranya terdapat bukti kukuh bahawa perkahwinan tersebut menyebabkan kemudaratan.

Dalam kes ini, suami atau isteri yang mendakwa kemudaratan mesti membuktikan kewujudan kesan buruk akibat perkahwinan, sama ada dalam bentuk penderaan, kegagalan menunaikan nafkah, atau perkara lain yang menyebabkan penderitaan kepada pasangan. Jika pihak yang menuntut gagal mengemukakan bukti yang mencukupi, mahkamah berhak menolak tuntutan tersebut atas dasar bahawa perkahwinan secara asasnya dianggap sebagai institusi yang harmoni sehingga terbukti sebaliknya.

### **Isu Kelima: Pertikaian Mengenai Adat dalam Penentuan Hak**

Dalam kes perkahwinan dan nafkah, adat kebiasaan masyarakat sering menjadi faktor dalam menentukan kewajiban yang dikenakan kepada suami dan isteri. Kaedah fiqah yang digunakan dalam isu ini ialah “adat adalah penentu hukum” (*al-‘ādah muhakkamah*), yang menetapkan bahawa amalan kebiasaan dalam masyarakat boleh menjadi asas dalam menentukan sesuatu hak dan kewajiban, selagi tidak bercanggah dengan prinsip syarak.

Sebagai contoh, dalam kes nafkah isteri, mahkamah menilai tuntutan nafkah berdasarkan had minimum nafkah (*had al-kifāyah al-adnā*), yang ditentukan mengikut kebiasaan masyarakat setempat. Oleh itu, jika berlaku pertikaian mengenai jumlah nafkah yang wajib ditunaikan oleh suami, maka pihak yang menyatakan jumlah yang tidak selari dengan adat perlu membuktikan dakwaannya. (Bahi Ahmad, 2019)

Dalam konteks ini, suami tidak perlu membuktikan bahawa jumlah yang diberikannya adalah mencukupi, kerana secara asalnya, adat masyarakat telah menentukan standard nafkah yang sepatutnya. Oleh itu, jika isteri berpendapat bahawa nafkah yang diterima tidak mencukupi, beban pembuktian terletak kepadanya untuk menunjukkan bahawa jumlah tersebut tidak memenuhi keperluan asas berdasarkan adat yang diterima pakai.

Kes ini menunjukkan bahawa adat memainkan peranan penting dalam menentukan hak dan kewajiban dalam perundangan Islam, dan beban pembuktian dalam pertikaian berkaitan adat terletak pada pihak yang mendakwa sesuatu yang bercanggah dengan kebiasaan masyarakat. Oleh itu, mahkamah akan merujuk kepada amalan yang telah diterima dalam masyarakat bagi memastikan bahawa keputusan yang dibuat selari dengan norma yang dipraktikkan secara meluas.

Secara keseluruhannya, prinsip beban pembuktian dalam perundangan Islam berperanan memastikan keadilan dengan meletakkan tanggungjawab pembuktian kepada *al-muddai’ī*, manakala *al-mudda’ā ‘alaihī* hanya perlu

bersumpah jika tiada bukti dikemukakan. Berpandukan dalil syarak dan kaedah fiqah, sistem kehakiman Islam menetapkan beban pembuktian secara adil agar tidak berlaku penyalahgunaan tuntutan.

Penentuan *al-muddai'ī* dan *al-mudda'ā* 'alaihī bukan sekadar bergantung kepada status plaintiff atau defendant tetapi juga berdasarkan pihak yang pernyataannya bertentangan dengan keadaan asal (*asl*), zahir (*al-zāhir*), atau adat kebiasaan (*al-'ādah*). Jika beban pembuktian diletakkan secara salah, ia boleh menyebabkan ketidakadilan dalam keputusan mahkamah.

## ALASAN-ALASAN FASAKH MENURUT SYARAK

Fasakh merujuk kepada pemutusan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri melalui kuasa hakim atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh syarak. Dalam istilah Bahasa Arab, fasakh juga dikenali sebagai *al-tafrīq*, yang membawa maksud pemisahan secara sah antara suami dan isteri akibat kegagalan memenuhi syarat perkahwinan yang ditetapkan oleh Islam (Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria, Raihanah Hj. Abdullah, 2019). Secara prinsipnya, fuqaha telah membincangkan beberapa alasan yang membolehkan fasakh, antaranya kecacatan atau aib, penganiayaan, pemenjaraan suami, kehilangan suami tanpa berita (ghaib), kegagalan suami menyediakan nafkah, serta konflik berpanjangan antara pasangan (*syiqāq*). Prinsip-prinsip ini kemudiannya diadaptasi dalam perundangan Islam di Malaysia melalui Seksyen 51 OKS, 2001, yang memperuntukan hak suami atau isteri untuk menuntut pembubaran perkahwinan atas sebab-sebab yang berlandaskan hukum syarak.

Salah satu alasan yang diakui oleh fuqaha ialah kecacatan atau penyakit yang boleh menjaskan hubungan suami isteri, terutamanya yang menghalang hubungan seksual. Penyakit seperti kusta dan vitiligo merupakan antara contoh yang telah lama diiktiraf dalam fiqah sebagai alasan fasakh. Namun, kemunculan penyakit baharu seperti HIV/AIDS, penyakit kelamin berjangkit, serta kanser menimbulkan keperluan untuk menggunakan pendekatan *qiās* dalam menentukan sama ada penyakit-penyakit ini juga boleh dijadikan alasan bagi fasakh (Raihanah binti Abdullah, Mahamatayuding Samah & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2017). Dalam kes HIV/AIDS, misalnya, penyakit ini bukan sahaja lebih serius berbanding kusta dan vitiligo tetapi juga boleh menular kepada pasangan yang sihat, menjadikannya lebih berbahaya dalam konteks perkahwinan (Hamidah Harun, Wan Mohd Yusof Wan Chik & Siti Khatijah Ismail, 2021). Sehubungan dengan itu, Seksyen 51(1)(f) OKS, 2001 secara jelas memperuntukkan bahawa fasakh boleh dipohon sekiranya salah

seorang pasangan menghidap penyakit kusta, vitiligo, AIDS, atau penyakit kelamin yang boleh berjangkit.

Selain itu, penganiayaan oleh suami terhadap isteri juga merupakan alasan yang diakui dalam fiqah Islam bagi tuntutan fasakh. Dalam Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī, isteri berhak menuntut fasakh sekiranya suami bertindak zalim atau menganiaya secara fizikal atau mental, termasuk memukul, mengabaikan, atau meninggalkan isteri tanpa alasan yang sah (Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md. Hashim, 2021). Namun, pandangan yang berbeza dikemukakan oleh Mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanafī, yang menyatakan bahawa meskipun penganiayaan boleh menjelaskan hubungan perkahwinan, fasakh bukanlah penyelesaian kerana masih terdapat alternatif lain seperti nasihat, perundingan, atau pengantaraan. Walaubagaimanapun, dalam konteks perundangan Malaysia, Seksyen 51(1)(h) OKS, 2001 mengiktiraf bahawa fasakh boleh diberikan sekiranya suami atau isteri melakukan penganiayaan yang menyebabkan penderitaan atau kesakitan secara fizikal atau mental kepada pasangannya.

Di samping itu, ketiadaan suami dalam tempoh yang lama, sama ada kerana hilang tanpa berita (ghaib) atau dipenjarakan bagi tempoh tertentu, juga diiktiraf sebagai alasan yang membolehkan isteri menuntut fasakh. Dalam Mazhab Mālikī, Syāfi‘ī, dan Ḥanbalī, ketiadaan suami untuk suatu tempoh yang panjang boleh menyebabkan isteri terabai dan mengalami penderitaan akibat kehilangan sumber nafkah, lantas menjadi alasan yang sah untuk membubarkan perkahwinan (Raihanah Abdullah, 1997). Sehubungan dengan itu, Seksyen 51(1)(a) OKS, 2001 menetapkan bahawa fasakh boleh dipohon sekiranya keberadaan suami atau isteri tidak diketahui selama lebih daripada satu tahun, manakala Seksyen 51(1)(c) OKS, 2001 membenarkan fasakh jika suami atau isteri telah dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun atau lebih.

Fuqaha juga sepakat bahawa kegagalan suami untuk memberikan nafkah yang sewajarnya kepada isteri boleh menjadi asas bagi tuntutan fasakh. Dalam Mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī, suami yang gagal menyediakan nafkah tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan perkahwinan dibubarkan setelah memenuhi syarat-syarat tertentu (Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md. Hashim, 2021). Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, Seksyen 51(1)(b) OKS, 2001 memperuntukkan bahawa isteri boleh menuntut fasakh jika suami gagal menunaikan nafkah sekurang-kurangnya selama tempoh tiga bulan berturut-turut.

Sementara itu, konflik yang berpanjangan atau *syiqāq* dalam perkahwinan juga diiktiraf oleh sebahagian fuqaha sebagai alasan fasakh. Menurut Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī, jika pasangan mengalami perselisihan yang tidak berkesudahan dan semua bentuk usaha damai seperti nasihat dan pengantaraan

gagal, maka fasakh boleh menjadi pilihan terakhir untuk menyelamatkan keadaan (Raihanah Abdullah, 1997). Walau bagaimanapun, *syiqāq* tidak diperuntukkan secara khusus dalam Seksyen 51 OKS, 2001, sebagaimana alasan fasakh yang lain.

## APLIKASI BEBAN PEMBUKTIAN

Sebelum perbincangan lanjut berkenaan aplikasi dan kepentingan penentuan beban pembuktian dalam penghakiman kes fasakh, terlebih dahulu didefinisikan beban pembuktian dan pembahagiannya menurut undang-undang semasa.

### Beban Pembuktian

Definisi beban pembuktian (*burden of proof*) dalam amalan Mahkamah Sivil, menurut *Dictionary of Law*, merujuk kepada kewajipan untuk membuktikan sesuatu fakta (L.B. Curzon, 2010). Terdapat peruntukan yang berkaitan beban pembuktian pada Akta Keterangan 1950, yang kemudiannya dijadikan asas dalam penggubalan Akta, Enakmen, dan Ordinan Keterangan Syariah di Malaysia. Perundangan ini disesuaikan dengan prinsip beban pembuktian menurut Syarak, termasuk melalui kaedah penambahan (Suhaizad Saifuddin et al., 2019). Ini dapat dilihat pada Seksyen 72 OKS, 2001 yang mana peruntukan ini menjadi perbezaan utama antara amalan di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah iaitu penyelesian pertikaian melalui sumpah. (Wan Abdul Fattah et al., 2021).

Terdapat dua jenis beban pembuktian yang telah diperuntukkan oleh OKS, 2001 iaitu beban pembuktian perundangan (*legal burden of proof*) di bawah Seksyen 73 OKS, 2001 dan beban mengemukakan keterangan (*evidentiary burden*) di bawah Seksyen 74 (Suhaizad Saifuddin, 2021) dan 75 OKS, 2001<sup>5</sup>.

Beban pembuktian perundangan merujuk kepada tanggungjawab untuk membuktikan atau menafikan sesuatu fakta mengikut standard yang ditetapkan oleh undang-undang substantif. (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022). Dalam kes fasakh, beban pembuktian ini tidak semestinya terletak pada pihak plaintiff kerana ia bergantung kepada alasan fasakh yang dikemukakan. Sebagai contoh, jika plaintiff menuntut fasakh atas alasan penganiayaan oleh suami mengikut Seksyen 51(1)(h) OUUKI, 2001, maka beban pembuktian berada pada pihak plaintiff. Ini berdasarkan teori *istishab*, yang menyatakan bahawa penganiayaan tersebut dianggap tidak berlaku sehingga dibuktikan

<sup>5</sup> Lihat kes *CAS v MPPL & Anor* [2022] 12 MLJ 135

sebaliknya (Ahmad Haji Bakar, 1976). Mengikut teori yang sama, beban pembuktian beralih kepada defendant apabila alasan fasakh yang digunakan oleh plaintif adalah suami gagal atau cuai dalam menunaikan nafkah zahir selama tiga bulan berturut-turut di bawah Seksyen 51(1)(b) OUUKI, 2001, kerana secara asasnya nafkah isteri dianggap tidak ditunaikan sehingga dibuktikan sebaliknya (Salleh Ismail, 2003).

Dalam kes mal, beban pembuktian perundangan ini juga akan dipikul oleh pihak defendant apabila membuat pembelaan dengan membantah anggapan undang-undang (*rebutting a statutory presumption*), membuktikan pembelaan statutori (*proving a statutory defence*) atau pengecualian tanggungjawab (*exception to liability*) (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022). Misalnya, apabila defendant membuat pembelaan bahawa penganiayaan tersebut dilakukan secara tidak sengaja atau bukan atas niat menganiaya plaintif, maka ianya perlu dibuktikan olehnya<sup>6</sup>. Baik di pihak plaintif maupun defendant, beban pembuktian perundangan ini adalah tidak berubah (*shifting*) di antara pihak-pihak (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim., 2022). Sekiranya pihak yang diletakkan beban pembuktian perundangan gagal mengemukakan sebarang keterangan atau keterangannya tidak mencapai standard yang ditetapkan untuk menyokong dakwaannya maka pihak yang satu lagi tidak perlu dipanggil untuk memberi keterangan sebaliknya memadai kes tersebut diselesaikan dengan sumpah (*yamin*) sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 72 OKS, 2001.

Beban mengemukakan keterangan pula sebagaimana diperuntukan di bawah Seksyen 74 dan 75 OKS, 2001 adalah tanggungjawab taktikal untuk mengemukakan bukti terhadap fakta yang ditegaskan oleh sesuatu pihak bagi mengelakkan keputusan mahkamah yang akan merugikan (*adverse decision*) pihaknya (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim., 2022). Dengan kata lain, pihak yang dibebankan dengan beban undang-undang perlu mengemukakan keterangan sehingga mencapai standard yang ditetapkan agar keputusan mahkamah berpihak kepadanya. Setelah itu, pihak yang satu lagi sekiranya memepertikaikan fakta tersebut perlu membela diri dengan mengemukakan bukti yang boleh mematahkan kes pihak lawannya. Oleh kerana itu beban mengemukakan keterangan ini berubah-rubah (*shifting*) diantara plaintif dan defendant.

Misalnya tuntutan fasakh atas alasan suami gagal menunaikan nafkah di bawah Seksyen 51(1)(b) OUUKI, 2001. Setelah beban pembuktian perundangan diletakkan kepada suami maka suami akan memikul beban mengemukakan keterangan untuk mengemukakan keterangan yang

---

<sup>6</sup> Seksyen 78OKS, 2001

mencukupi jika dia mendakwa bahawa nafkah telah ditunaikannya. Kegagalan suami mengemukakan sebarang keterangan atau keterangan tidak mencapai standard yang ditetapkan, akan menyebabkan keputusan mahkamah tidak berpihak kepadanya<sup>7</sup>. Sebaliknya jika suami berjaya mengemukakan keterangan yang mencapai standard yang ditetapkan maka beban mengemukakan keterangan akan berpindah kepada isteri bagi mematahkan kes suami. Beban mengemukakan keterangan ini pada sesetangah kes memadai dengan pemeriksaan balas (*cross-examining*) atau mencabar kredibiliti saksi (*discrediting witnesses*) (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022).

Secara keseluruhannya, beban pembuktian perundangan (*legal burden of proof*) yang diperuntukkan dalam Seksyen 73 OKS 2001 serta beban mengemukakan keterangan (*evidentiary burden of proof*) dalam Seksyen 74 dan 75 menunjukkan kesinambungan dengan prinsip beban pembuktian menurut Syarak. Keselarasan ini mencerminkan bagaimana sistem perundangan Islam di Malaysia mengadaptasi prinsip syariah dalam amalan kehakiman.

## **APLIKASI PENENTUAN BEBAN PEMBUKTIAN DALAM PENGHAKIMAN KES FASAKH**

Beban pembuktian dalam kes fasakh bukan sahaja menentukan pihak yang bertanggungjawab mengemukakan bukti tetapi juga perlu dinyatakan dengan jelas dalam alasan penghakiman. Kegagalan berbuat demikian boleh menimbulkan ketidakpuasan hati pihak bertikai dan meningkatkan jumlah rayuan kes. Penjelasan terperinci mengenai beban pembuktian memastikan keputusan kehakiman mempunyai asas kukuh dan memudahkan proses rayuan (Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 2022).

Seksyen 51 OKS, 2001 memperuntukkan suami atau isteri boleh menuntut perkahwinannya difasakhkan oleh satu atau lebih daripada 17 alasan yang diperuntukkan secara khusus dan satu peruntukan secara umum.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun artikel ini akan fokus kepada alasan penghakiman kes fasakh oleh pihak isteri yang melibatkan tiga alasan sahaja iaitu: 1) suami telah cuai atau telah gagal menunaikan nafkah isteri selama tempoh tiga bulan, 2) suami telah menganiaya isteri dengan cara lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan kelakuan aniaya dan 3) suami telah menganiaya isterinya dengan cara gagal berlaku adil dalam berpoligami menurut Undang-Undang Islam.

<sup>7</sup> OKS, 2001, Seksyen 74.

<sup>8</sup> OÜUKI, 2001, Seksyen 51(1)(l).

## **1. Suami Telah Cuai Atau Telah Gagal Menunaikan Nafkah Isteri Selama Tempoh Tiga Bulan**

Terdapat perbezaan pendapat mahkamah dalam menentukan beban pembuktian berhubung tuntutan fasakh atas alasan suami telah cuai atau telah gagal menunaikan nafkah isteri selama tempoh tiga bulan. Terdapat mahkamah yang meletakkan beban pembuktian kepada isteri sebagai plaintif dan mahkamah yang lain meletakkan beban pembuktian terhadap suami.

Mahkamah yang meletakkan beban pembuktian terhadap isteri dapat dilihat pada kes *Hairun bt. Sharif lwn. Omar bin Mohd Noor* dimana mahkamah bicara telah meletakkan beban pembuktian terhadap plaintif dan ini dipersetujui oleh mahkamah peringkat rayuan. Disebabkan plaintif gagal membuktikan kagagalannya suaminya menunaikan nafkah maka kedua-dua peringkat mahkamah tersebut telah menolak tuntutan plaintif untuk membubarkan perkahwinannya di bawah Seksyen 51(1)(b) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor, 1984.

Berbeza dengan kes *Rokiah Mudzi lwn. Mohd Yunus Keling*<sup>9</sup> dimana mahkamah telah meletakkan beban pembuktian bagi alasan di bawah Seksyen 51(1)(b) iaitu kegagalan atau kecuaian suami memperuntukan nafkah selama tempoh tiga bulan adalah dipihak suami. Dalam penghakimannya mahkamah dalam kes tersebut telah menyatakan: “*Justeru itu, secara khususnya di dalam soal sama ada naqyah kepada Plaintiff telah diberikan oleh Defendant, maka Defendant menanggung beban pembuktian kerana mengatakan sesuatu yang berlawanan dengan asal atau zahir, iaitu pada asalnya, nafkah tersebut tidak diberi. Plaintiff termasuk dalam takrif mudda ’ā ‘alaih dalam isu ini, manakala Defendant adalah mudda ’ii. Oleh itu, berdasarkan rujukan yang dikemukakan, Defendant di dalam kes ini adalah orang yang memegang beban pembuktian bagi membuktikan bahawa nafkah kepada isterinya telah diberikan.*”.

Keputusan mahkamah dalam kes *Rokiah Mudzi lwn. Mohd Yunus Keling* mengenai penentuan beban pembuktian lebih selaras dengan hukum syarak seperti yang dibincangkan oleh para fuqaha. Oleh itu, kes-kes fasakh yang hanya melibatkan perbicaraan sebelah pihak, disebabkan suami enggan hadir semasa prosiding atau telah menghilangkan diri, sepatutnya boleh diselesaikan tanpa memerlukan isteri mengemukakan bukti tambahan. Cukup jika kes diselesaikan melalui sumpah *al-mudda ’ā ‘alaih* seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 72 OKS, 2001, setelah mahkamah berpuas hati bahawa saman telah disampaikan dengan sempurna, sama ada secara kediri atau ganti.

---

<sup>9</sup> Rokiah Mudzi lwn. Mohd Yunus Keling [2018] 3 LNS 1

Namun begitu, terdapat mahkamah yang masih memanggil saksi plaintif untuk memberi keterangan walaupun beban pembuktian telah diletakkan pada defendant. Tambahan pula, jika perbicaraan hanya melibatkan sebelah pihak dan defendant tidak hadir, tiada keperluan untuk plaintif mengemukakan saksi. Situasi ini dapat dilihat dalam kes *Fatimah Binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim* dan *Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad*. Kedua-dua kes ini melibatkan tuntutan fasakh oleh isteri atas alasan suami gagal atau cuai menunaikan nafkah, di mana perbicaraan berlangsung secara sebelah pihak setelah mahkamah berpuas hati bahawa penyampaian saman secara ganti telah dilaksanakan dengan sempurna.

Memanggil saksi dalam kes-kes sebegini bukan sahaja menyusahkan plaintif tetapi juga melambatkan penyelesaian kes, terutamanya bagi mereka yang menghadapi kesukaran mendapatkan saksi, seperti mualaf yang tidak mendapat sokongan daripada keluarga bukan Islam. Keadaan ini memberi tekanan tambahan kepada plaintif kerana mereka terpaksa berulang-alik ke mahkamah, yang bukan sahaja memanjangkan tempoh penyelesaian kes tetapi juga menambah beban kewangan akibat kos perjalanan dan guaman yang tinggi (Temu bual Ilham bin Mustapa Bersama Mohd Sufi Bin Mohd Rani pada 23 September 2024); Zarina Abdullah, 2023). Sepatutnya, kes boleh diselesaikan tanpa perlu mendengar keterangan saksi plaintif, kerana plaintif berada di pihak *al-mudda'ā 'alaih*, di mana kes akan memihak kepadanya tanpa memerlukan keterangan tambahan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 72 OKS, 2001.

## **2. Suami Telah Menganiaya Isteri Dengan Cara Lazim Menyakiti Atau Menjadikan Kehidupannya Menderita Disebabkan Kelakuan Aniaya**

Ini merupakan salah satu alasan fasakh yang sering digunakan oleh isteri untuk menuntut fasakh perkahwinannya. Penulis telah meneliti beberapa kes-kes fasakh yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah di Malaysia dan mendapati kesemua penghakiman kes-kes tersebut telah meletakkan beban pembuktian terhadap plaintif sebagai pihak yang mendakwa berlakunya penganiayaan terhadap dirinya. Kes-kes tersebut adalah *Hairun bt Sharif lwn Omar bin Mohd Noor*<sup>10</sup>, *Fatimah binti Osman lwn. Norazmi bin Tukiban*<sup>11</sup> dan *Zalina binti Awil lwn. Amiruddin Bin Yusof*<sup>12</sup>.

<sup>10</sup> Hairun bt Sharif lwn Omar bin Mohd Noor [1993] jld. 8 bhg. 2 JH 289

<sup>11</sup> Fatimah binti Osman lwn. Norazmi bin Tukiban [2001] jld. 14 bhg.1 JH 65

<sup>12</sup> Zalina binti Awil lwn. Amiruddin Bin Yusof [2020] Edisi 2020 JMS 115

Dalam kes *Hairun bt Sharif lwn Omar bin Mohd Noor* antara alasan tuntutan isteri untuk mendapatkan perintah fasakh adalah bahawa suaminya iaitu perayu telah menganiayainya dengan memukulnya. Kes ini telah melalui peringkat perbicaraan dan rayuan. Beban pembuktian tidak menjadi isu rayuan kes tersebut kerana mahkamah di peringkat rayuan telah bersetuju dengan mahkamah bicara berhubung beban pembuktian yang diletakkan terhadap isteri iaitu Responden. Yang menjadi isu rayuan dalam penghakiman kes tersebut adalah tafsiran perkataan “lazim menyakiti” di bawah Seksyen 51(1)(h) Enakmen Keluarga Islam Selangor, 1984. Mahkamah rayuan telah mengakaskan keputusan mahkamah bicara yang menolak tuntutan responden. Mahkamah rayuan seterusnya mensabitkan dakwaan penganiayaan responden seterusnya memerintahkan perkahwinan antara perayu dan responden difasakhkan.

Dalam kes *Fatimah binti Osman lwn. Norazmi bin Tukiban*, Plaintiff mendakwa bahawa suaminya iaitu defendant telah menganiayanya dengan cara melakukan persetubuhan dengan menggunakan bulu kambing yang menyebabkan berlaku pendarahan pada kemaluan plaintiff. Walau bagaimanapun dakwaan tersebut gagal dibuktikan oleh plaintiff mengakibatkan mahkamah telah menolak tuntutannya.

Hal yang sama juga berlaku pada kes *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin Bin Yusof* dimana plaintiff iaitu isteri mendakwa bahawa suaminya telah menganiayainya melalui penderaan emosi plaintiff. Dakwaan tersebut berdasarkan kepada perbuatan ibu defendant yang sering masuk campur urusan keluarga pihak-pihak dan defendant sering menuduh plaintiff seorang yang derhaka, tidak bersyukur, tidak mengenang budi dan suka mengungkit. Namun semua dakwaan plaintiff tersebut gagal dibuktikannya dimana keterangan saksi-saksinya tidak mencapai standard pembuktian yang ditetapkan.

### **3. Suami Telah Menganiaya Isterinya Dengan Cara Gagal Berlaku Adil Dalam Berpoligami Menurut Undang-Undang Islam**

Penghakiman-penghakiman kes fasakh atas alasan kegagalan suami yang berpoligami berlaku adil dalam perkahwinan menunjukkan beban pembuktian terletak pada plaintiff. Ini dapat dilihat pada penghakiman kes tuntutan fasakh *Zulrina binti Zahari lwn. Mohd Shu'aib bin Hj. Ishak*<sup>13</sup> dimana perayu iaitu isteri mendakwa bahawa responden telah gagal berlaku adil dalam berpoligami. Tuntutan perayu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah persekutuan Kuala Lumpur kerana kegagalan perayu membuktikan

---

<sup>13</sup> Zulrina binti Zahari lwn. Mohd Shu'aib bin Hj. Ishak [2014] jld.38, bhg.1 JH 90

dakwaannya. Perayu yang tidak berpuashati dengan keputusan tersebut telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan Syariah telah membenarkan rayuan perayu dan memfasakhkan perkahwinan perayu dengan responden. Dalam kes ini, beban untuk membuktikan bahawa suami tidak adil dalam berpoligami adalah diletakkan kepada isteri, dimana isteri pada pandangan Mahkamah Rayuan telah berjaya membuktikan dakwaannya sehingga ke standard yang ditetapkan. Hasil dari penelitian kepada kes ini penulis dapati kedua-dua peringkat mahkamah bicara dan mahkamah rayuan meletakkan beban pembuktian kepada isteri. Isu diperangkat mahkamah rayuan adalah sama ada isteri berjaya membuktikan dakwaannya sehingga ke tahap standard yang ditetapkan.

Dalam kes *Joan Mary Sulaiman lwn Sulaiman bin Haji*<sup>14</sup> Pemohon iaitu isteri telah menuntut perkahwinannya dengan Yang Kena Tuntut iaitu suami difasakhkan antara lain alasannya adalah suami telah gagal berlaku adil dalam berpoligami. Pemohon mendakwa sauminya telah tidak melayani Pemohon dengan adil mengikut hukum syarak. Mahkamah telah melatakan beban pembuktian kepada Pemohon untuk membuktikan dakwaannya. Walau bagaimanapun, semasa perbicaraan suami telah mengaku tidak berlaku adil terhadap Pemohon. Oleh kerana itu mahkamah sabitkan dakwaan Pemohon dengan pengakuan suami tersebut. Adapun keterangan saksi-saksi Pemohon menurut mahkamah dikira sebagai *qarinah* sahaja.

## KESIMPULAN

Artikel ini meneliti konsep penentuan beban pembuktian dalam kes fasakh di Mahkamah Syariah dengan merujuk kepada prinsip syarak dan peruntukan undang-undang semasa, yang membuktikan keserasian kedua-duanya tanpa sebarang percanggahan.

Artikel ini mendapati bahawa penentuan beban pembuktian dalam kes fasakh merupakan suatu isu yang kompleks. Oleh itu, fuqaha telah mengembangkan pelbagai kaedah bagi menentukan beban pembuktian, yang pada umumnya diletakkan pada plaintif. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, beban ini boleh beralih kepada defendant bergantung kepada fakta kes. Prinsip utama dalam penentuannya adalah menilai keselarasan sesuatu fakta sama ada dengan keadaan asal (*asl*), zahir (*al-zāhir*), atau adat kebiasaan (*al-'ādah*).

---

<sup>14</sup> Joan Mary Sulaiman lwn Sulaiman bin Haji Musa [1995] jld. 10, bhg. 1 JH 86

Kesukaran dalam menetapkan beban pembuktian ini terbukti melalui ketidakkonsistenan dalam penghakiman Mahkamah Syariah, yang telah mengakibatkan ketidakseragaman keputusan dan kelewatan penyelesaian kes. Sebagai contoh, dalam tuntutan fasakh atas alasan kegagalan suami menunaikan nafkah, terdapat perbezaan dalam penentuan pihak yang bertanggungjawab mengemukakan bukti. Sesetengah mahkamah meletakkan beban pembuktian kepada isteri, manakala mahkamah lain meletakkannya kepada suami. Kekeliruan ini bukan sahaja meningkatkan kesulitan bagi pihak yang teraniaya, tetapi juga menjelaskan keseragaman sistem kehakiman serta menimbulkan ketidakpastian dalam proses perbicaraan.

Sehubungan itu, disarankan agar garis panduan yang lebih jelas disediakan, serta latihan khusus dalam bidang keterangan syariah diberikan secara berkala dan berterusan. Pihak pentadbiran mahkamah perlu memberi perhatian serius terhadap inisiatif ini bagi meningkatkan pemahaman dan kecekapan hakim serta peguam syarie dalam menangani kes fasakh.

Selain itu, mekanisme penyelarasan perlu diwujudkan melalui penyediaan manual rujukan misalnya dalam bentuk arahan amalan atau prosedur operasi standard (SOP) mengenai beban pembuktian dalam kes fasakh. Manual ini harus merangkumi prinsip syarak dan amalan terbaik dalam perundangan Syariah Malaysia bagi memastikan keseragaman dalam penghakiman serta mengelakkan tafsiran yang berbeza-beza. Penyelarasan ini juga dapat membantu mengurangkan kelewatan penyelesaian kes dan memastikan keharmonian antara prinsip hukum Islam dengan prosedur perundangan mahkamah.

Di samping itu, disarankan agar beban pembuktian dinyatakan dengan jelas dalam alasan penghakiman dengan menentukan isu atau fakta yang menjadi pertikaian dalam sesuatu kes serta pihak yang bertanggungjawab memikul beban pembuktian tersebut. Ini termasuk sama ada beban pembuktian perundangan (*legal burden of proof*) di bawah Seksyen 73 OKS 2001 atau beban mengemukakan keterangan (*evidentiary burden*) di bawah Seksyen 74 dan 75 OKS 2001. Kejelasan ini penting untuk meningkatkan keyakinan pihak yang bertikai serta memudahkan proses rayuan sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah.

Akhirnya, ketepatan dalam menentukan beban pembuktian dalam kes fasakh bukan sahaja memastikan keadilan kepada pihak yang terlibat, tetapi juga membantu mengelakkan kelewatan dalam penyelesaian kes yang boleh memberi kesan negatif kepada plaintiff dan defendant. Pelaksanaan prinsip ini dengan betul akan membantu mencapai *maqāṣid al-sharī‘ah*, khususnya dalam memelihara lima kepentingan utama (*darūriyyāt al-khamsah*), iaitu agama, nyawa, harta, akal, dan keturunan.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm Zaydān. (1989). *Nizam Al-Qada’ Fi Al-Shari’at Al-Islamiyah*. ‘Ammān: Mahktabah al-Bashair.
- Abdulrahman Zain Ahmed Al-Attasi & Noor Naemah Abdul Rahman. (2021). “*The Relationship Between Concept of Dawabit Fiqhiyyah and Dawabit Usuliyah: A Descriptive Study*,” *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, vol. 24, no. 1. October Issue, 67-77.
- Ahmad Haji Bakar. (1976). “Perbandingan Antara Undang-Undang Malaysia Dan Islam Mengenai Keterangan dan Acara,” Tesis Sarjana Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. (1963). *Talkhis al-Habir fi Ahadith al-Raḍī i al-Kabir*, vol. 4 Qāhirah: Syirkah al-Tiba’ah al-Fanniyyah al-Muttahidah.
- al-Ṣan‘āni, Muhammad Ibn Ismail. (1996). *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram*, vol. 4. Bayrūt: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib. (2006). “*Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*, vol. 5-6. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Shawkānī, Muhammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad. (1993). *Nayl al-Awṭār fī Sharh Muntaqā al-Akhbār*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abū Bakr. (1983). *al-Ashbah wa al-Naẓā’ir*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Bahi Ahmad. (2019). “Penentuan Kifayah adna sebagai Jaminan Nafkah Isteri di dalam Islam: Kajian kes di Lembah Klang, Malaysia,” *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 6, no. 2, 111-126.
- Daud Muhammad. (2015). Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah: Satu penghayatan Semula, *Kanun: Jurnal Undang-Undang*, vol. 27, no. 1.
- Hamidah Harun, Wan Mohd Yusof Wan Chik & Siti Khatijah Ismail. (2021). “Analisis Elemen Kemudaratkan Kecacatan Seksual Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017,” *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, vol. 12, no. 1, 12-23.
- Imad Ali Jum’ah (2006). *al-Qawa'idh al-Fiqhiyyah al-Maisarah*. Riyad: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Wataniah Ithna’ Nashr.

- L.B. Curzon. (2010). *Dictionary of Law*. Petaling Jaya: International Law Book Service.
- Mohd Badrol Awang. (2022). “Kepentingan Memahami Fakta Kes dalam Prosiding Kehakiman: Analisis dari Perspektif Kehakiman Islam,” *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 34, no. 2.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Elias. (2010). “Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam Al-Qawa‘id Al-Fiqhiyyah,” *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 3, hlm. 527-564.
- Mohd Zaidi Bin MD Zain. @ Zakaria. (2019). “Pemakaian Undang-Undang Tatacara Mal Dalam Prosiding Tuntutan Fasakh Di Mahkamah Syariah Malaysia,” Tesis Doktor Falsafah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria, Raihanah Hj. Abdullah. (2019). “kelewatan pengendalian kes fasakh dalam aspek undang-undang tatacara mal: kajian kes di selangor,” *Jurnal Syariah*, Jil. 27, Bil. 3 (2019) 459-486.
- Mohd. Saleh Haji Ahmad. (2002). “*Usul Fiqh Qawa‘id Fiqhiyyah*,” Cetakan 3. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn.Bhd. hlm. 592.
- Mohd. Salleh Ismail. (2003). “Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam,” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 30.
- Mushaddad Hasbullah, Zahari Mahad Musa & Mohamad Zaharuddin Zakaria. (2018). “Konsep ‘Uruf Menurut Pandangan Syarak: Sorotan Ringkas Dalam Fiqh Muamalat,” dalam *Isu-Isu Semasa dalam Islam dan Sains*, ed. Zahari Mahad & Dina Imam, , Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, hlm. 281.
- Nadya Rahma Isnaini. (2021). “Istishab : Sebuah Sumber Hukum Islam dan Penerapan dalam Aktivitas riil Ekonomi,” *Al-Ittifaq: Jurnal Ekonomi Syariah*, Batusangkar: Universitas Islam Negeri Mahmud Yunus Batusangkar, Vol 1, No 2, h. 71.
- Raihanah Abdullah, (2009). Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1, h.15.
- Raihanah Abdullah. (1997). “Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh,” *Jurnal Syariah*, 5/1, 1-16.
- Raihanah binti Abdullah, Mahamatayuding samah & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2017). “Kecacatan sebagai alasan membubarkan perkahwinan melalui fasakh menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia,” In: Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, Narathiwat, Thailand, 11-12 April 2017.

- Ruzaman Md. Noor & Mohd Istajib Mokhtar. (2011). “Ulasan Kes Dari Aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain,” *Kanun: Jurnal Undang-Undang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, vol 26 No.1, hlm. 130-146.
- Ruzman Md. Noor. (2007). “Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, 15/1, hlm. 29-41.
- Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim. (2022). “*The Shifting of the Evidential Burden in Criminal Trials*,” *Singapore Academy of Law Journal*, SAL Prac. 18, hlm.2.
- Setiyawan Gunardi, Muallim Muchammad Sahid, Amir Husin Mohd Nor, Azman Ab. Rahman, Muneer Ali Abdul Rab, Mahmoud Mohamed Ali, Fithriah Wardi, Nik Rahim Nik Wajis, Mohamad Ikwan Hami. (2017). “Konsep Al-‘Adah Muakkamah Dalam Pewarisan Tanah Adat Menurut Adat Perpatih Di Malaysia,” *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(2), 161-177.
- Suhaizad Saifuddin, Ahmad Azam Mohd Shariff, Muhamad Helmi Md Said, Ramalinggam Rajamanickam & Tg. Noor Azira Tg. Zainudin. (2020). “Pemakaian Beban dan Darjah Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Suatu Analisis,” *Akademika*, 90(1), 87-98.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom and Mohd. Munzil Muhamad. (2019). “Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan,” *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1-34.
- Suhaizad Saifuddin. (2021). “Peruntukan beban Pembuktian di Bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian,” *Jurnal Undang-Undang Masyarakat*, 28(2), 78- 89.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md.Hashim. (2021). “Hak Isteri Terhadap Fasakh Menghilangkan Kemudarat dalam Perkahwinan,” dalam *Fiqah Kekeluargaan Islam Isu Terpilih*, ed Normadiah Daud, Syh Noorul Madihah Syed Husin & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, hlm. 42-45.
- Wahbah al-Zuhaylī. (1985). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wan Abdul Fattah, Hasnizam Hashim, Zulfaqar Mamat, Lukman Abdul Mutualib, Ahmad Syukran Baharuddin, & Norma Jusof. (2021). Sumpah Nafy Al-'Ilmi Menurut Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia. *al-Maqāsid*, 2(2)

- Zarina Abdullah. (2023). “Kos fail perceraian tinggi,” *Suara Sarawak*, 11 November 2023.
- Zulfaqar Mamat. (2020). “Aplikasi Kaedah Fiqh “*La Darar Wa La Dirar*” Dalam Isu Covid-19 Di Malaysia,” *INSLA e-Proceedings*, vol. 3, no.1, hlm. 331 – 339.
- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2022). “Profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan Penghakiman,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 27, No. 4, hlm. 116.

### **Senarai Statut**

- Akta Keterangan 1950 (Akta 56)  
Ordinan Keterangan Syariah, 2001[Bab 47]  
Ordinan Undang-Undang keluarga Islam, 2001 [Bab 43]

### **Senarai Kes**

- AAM lwn. MAB*, Kes Mal MRSS, Kes 10005-014-229-2004 (tidak dilaporkan)  
*CAS v MPPL & Anor [2022] 12 MLJ 135*  
*Fatimah Binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim [2019]* Edisi 1/2019 JMS 124  
*Fatimah binti Osman lwn. Norazmi bin Tukiban [2001]* jld. 14 bhg.1 JH 65  
*Hairun bt Sharif lwn Omar bin Mohd Noor [1993]* jld. 8 bhg. 2 JH 289  
*Joan Mary Sulaiman lwn Sulaiman bin Haji Musa [1995]* jld. 10, bhg. 1 JH 86  
*Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad [2020]* Edisi 1/2020 JMS 104  
*Rokiah Mudzi lwn. Mohd Yunus Keling [2018]* 3 LNS 1  
*Zalina binti Awi lwn. Amiruddin Bin Yusof [2020]* Edisi 2020 JMS 115  
*Zulrina binti Zahari lwn. Mohd Shu'aib bin Hj. Ishak [2014]* jld.38, bhg.1 JH 90

### **Temu bual**

Mohd Sufi Bin Mohd Rani (Peguam Syarie di Jabatan Bantuan Guaman, Sarawak), dalam temu bual bersama penulis pada 23 September 2024.